

Noor Mohamad
Shakil Hameed

Kemahiran insaniah senjata ampuh graduan

Masalah pengangguran dalam kalangan graduan tempatan bukan isu baru di negara kita. Ia sering dibincangkan di pelbagai peringkat baik di institusi pendidikan tinggi (IPT), peringkat kementerian dan agensi kerajaan yang terbabit serta dalam kalangan anggota masyarakat yang sentiasa prihatin mengenai perkara ini. Namun, saban tahun terutama ketika musim konvolesyen di setiap IPT, isu ini akan terus kedengaran umpama rumah siap, pahat berbunyi. Jadi kita perlu memikirkan pendekatan yang lebih agresif demi memastikan bakat dan kecermerlangan yang dimiliki oleh modal insan masa depan negara ini tidak dipersia-siakan begitu saja.

Hakikatnya bilangan graduan di negara kita terus mencatatkan peningkatan secara mendadak dan mereka datangnya daripada 20 universiti awam (UA) dan beratus universiti serta kolej swasta serta kelulusan luar negara. Ini menyebabkan ada ketikanya kita merasakan berlaku lambakan graduan di negara kita yang akhirnya begitu sukar untuk mendapatkan pekerjaan dan meneruskan kelangsungan hidup selepas menamatkan pengajian. Malah, ada satu ketika kita pernah digemparkan dengan laporan berlakunya lambakan graduan perubatan termasuk pegawai perubatan dan jururawat yang sering dikategorikan sebagai bidang kritis di negara kita. Jadi tidak hairanlah andai graduan dalam bidang umum yang lain mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan. Namun, itu bukan alasan untuk kita membiarkan masalah pengangguran ini terus berlarutan sekali gus melihat anak muda kita merintih mengenangkan nasib dan masa depan mereka.

Kita akui kerajaan perlu terus menjana sebanyak mungkin peluang pekerjaan bagi mengatasi masalah ini, tetapi pada masa sama kajian demi kajian yang dilakukan selama ini oleh pelbagai pihak juga turut mengetengahkan beberapa faktor utama menyumbang kepada masalah pengangguran di negara kita dengan kebanyakannya tertumpu kepada kelemahan yang ada pada graduan itu sendiri. Kelemahan ini terbahagi kepada dua iaitu kelemahan dari segi kemahiran dan kedua kelemahan dari segi sikap serta tingkah laku.

Walaupun sudah bergraduasi termasuk dengan ijazah kelas pertama, majikan masih mendapati graduan kita kekurangan pelbagai kemahiran yang membolehkan mereka cemerlang di pasaran kerja. Kelemahan ini menyebabkan

majikan terpaksa berhati-hati dan meneliti secara serius latar belakang setiap pemohon kerja yang baru bergraduasi. Kita akui graduan yang baru saja menamatkan pengajian sememangnya tidak memiliki pengalaman kerja dan perkara itu juga sangat difahami majikan, persoalannya tertumpu kepada kegagalan graduan menonjolkan kemahiran asas yang diperlukan hingga boleh meyakinkan majikan untuk mengambil mereka bekerja.

Antara kelemahan kemahiran graduan yang sering diperdebatkan ialah kemahiran berkomunikasi terutama dalam bahasa Inggeris, di samping kelemahan dalam gaya komunikasi secara umumnya, graduan baru juga masih lemah dari segi kemahiran pemikiran kritis serta kemahiran dan kemampuan untuk menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, malah kepemimpinan serta etika dan moral profesional juga dikatakan masih lemah. Gabungan kelemahan pelbagai kemahiran asas seperti ini mencetuskan rasa curiga dan was-was dalam kalangan majikan untuk menggaji graduan baru.

Ironinya pelbagai kajian juga membuktikan graduan yang cemerlang dari segi akademik

belum tentu cemerlang dari segi kemahiran insaniah yang diperlukan oleh majikan. Sebaliknya pada hari ini graduan yang memperoleh keputusan peperiksaan yang agak sederhana tetapi mahir pelbagai kemahiran insaniah dikatakan lebih mampu dan mudah menawan hati majikan. Ringkasnya kita mahukan graduan seimbang yang mampu cemerlang akademik serta pada masa sama memiliki pelbagai kemahiran insaniah sebagai senjata utama mereka.

Justeru pelajar yang masih di dalam kampus perlu melihat situasi ini secara serius dan menggunakan saki baki masa yang ada untuk melengkapkan diri masing-masing dengan pelbagai kemahiran insaniah yang diperlukan. Daripada segi kemahiran komunikasi misalnya, kemampuan berkomunikasi dengan baik dalam pelbagai situasi dan persekitaran seperti berkomunikasi dengan pegawai atasan, sesama rakan sekerja serta dalam mesyuarat ataupun ketika membuat sesuatu pembentangan di khalayak ramai boleh dikatakan menjadi tuntutan lazim dalam alam pekerjaan justeru bakal graduan wajib memiliki kemahiran ini.

Graduan juga perlu sedar apabila mereka diterima bekerja dengan

kelayakan ijazah ekspektasi majikan cukup tinggi dan akan diberi peluang untuk mengetuai sesuatu projek atau program di samping memiliki staf bawahan. Jadi graduan ini perlu menonjolkan ciri-ciri kepemimpinan supaya dapat memikul dan melaksanakan tugas tersebut dengan baik. Sudah semestinya kita juga perlu mahir dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul dengan daya pemikiran kritis, rasional dan profesional.

Di samping itu, kelemahan kedua yang ketara ialah sikap dan tingkah laku graduan sendiri. Sikap terlalu yakin dan sombang dengan kelulusan akademik cemerlang yang dimiliki juga boleh merosakkan masa depan graduan. Ingatlah pada hari ini bilangan graduan cukup ramai termasuk yang memperoleh kelas pertama, jadi tidak perlu kita terlalu sombang dan ego apatah lagi memilih. Sebagai orang baru, kita tidak mempunyai banyak pilihan apatah lagi ruang untuk meminta dan memilih sangat terhad. Sewajarnya kita terima dulu apa saja peluang yang ada atau diberikan sebelum mendaki ke tangga yang berikutnya. Belajar atau bersedia lah untuk mula dari bawah supaya dapat mengutip sebanyak mungkin pengalaman


yang diperlukan sebelum di puncak kejayaan suatu hari nanti.

Dalam konteks ini tingkah laku seperti malas, ponteng kerja, tidak amanah, terlibat dengan rasuah dan penyelewengan serta tidak bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas yang diberikan perlu dielak. Tingkah laku negatif seperti ini akan memberikan gambaran dan persepsi yang tidak elok sebaliknya boleh menghancurkan masa depan kita.

Justeru harus diingat masuk ke IPT bukan sekadar untuk ilmu akademik semata-mata, tetapi kita perlu belajar kemahiran untuk meneruskan kehidupan selepas tamat pengajian. Jadi bakal graduan perlu menggunakan tempoh masa berada di IPT untuk melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran insaniah yang boleh dijadikan senjata ampuh ketika memohon kerja serta membuktikan kemampuan kepada majikan bila sudah diterima bekerja kelak. Sertailah persatuan dan kelab yang ada di IPT yang menjadi platform penting untuk mempelajari dan juga mengamalkan pelbagai kemahiran insaniah.

**Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia**

Dialog Kotaraya



Oleh Juragan